

11/01/2000

Kenderaan guna gas asli perlu menyeluruh

KUALA LUMPUR, Isnin - Penggunaan gas asli pada kenderaan baru saja tidak akan mengurangkan tahap pencemaran udara di negara ini, kata pensyarah Jabatan Sains Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Azman Zainal Abidin.

Katanya, walaupun kajian membuktikan penggunaan bahan itu dapat mengurangkan pelepasan gas berbahaya daripada kenderaan sekali gus meningkatkan kualiti udara, penggunaannya yang tidak menyeluruh akan melewati matlamat memulihkan kualiti udara.

Dr Azman yang mengetuai kajian penggunaan gas asli pada kenderaan (kereta, bas dan teksi) di Lembah Klang, berkata kajian itu mendapati penggunaan gas asli yang terhad kepada segelintir kenderaan tidak akan mengurangkan pencemaran udara secara ketara.

Kajian model komputer yang dijalankan ke atas motosikal di Lembah Klang, mendapati penggunaan gas asli pada kenderaan baru dan satu peratus kenderaan lama, hanya mengurangkan sedikit tahap pencemaran iaitu empat peratus karbon monoksida (CO) setahun, hidrokarbon (HC) (dua peratus), nitrogen dioksida (NOx) (satu peratus) dan partikel terampai (27 peratus).

Beliau berkata, kajian dua tahun yang turut membuat unjuran penurunan pencemaran sehingga tahun 2005, mendapati penggunaan gas asli pada kenderaan baru serta lima peratus kenderaan lama sepanjang tempoh itu, mengurangkan 20 peratus CO, sembilan peratus HC, tujuh peratus NOx dan 29 peratus partikel terampai.

"Penurunan ini terlalu sedikit untuk memulihkan kualiti udara khususnya di bandar. Walaupun kajian terdahulu membuktikan penggunaan gas asli adalah cara terbaik untuk meningkatkan kualiti udara, bahan ini harus digunakan secara menyeluruh iaitu pada kenderaan lama dan baru untuk mendapat hasil terbaik.

"Dalam kajian yang kita jalankan, kita mendapati gas asli ini harus digunakan secara menyeluruh iaitu pada semua kenderaan baru dan sekurang-kurangnya 10 peratus kenderaan lama bagi menyaksikan penurunan pencemaran udara yang memuaskan," katanya kepada Berita Harian, di sini, baru-baru ini.

Dr Azman berkata, berdasarkan kajian itu, unjuran penggunaan bahan asli pada kenderaan baru dan 10 peratus kenderaan lama dapat mengurangkan 40 peratus CO, HC (18 peratus), NOx (14 peratus) dan 32 peratus partikel terampai.

Kajian terdahulu menunjukkan penggunaan gas asli sepenuhnya iaitu pada semua kenderaan lama dan baru di jalan raya dapat mengurangkan CO sehingga 80 peratus, 20 peratus karbon dioksida (CO<sub>2</sub>), HC (40 peratus), NOx (25 peratus) dan hampir 100 peratus partikel terampai berbanding kenderaan berpetrol.

Kajian juga mendapati penggunaan gas asli adalah cara terbaik untuk mengurangkan pencemaran udara berbanding penggunaan petrol tanpa plumbum dan pemasangan alat pengubah bermangkin pada sistem ekzos kenderaan.

Alat pengubah bermangkin walaupun mampu mengurangkan pelepasan bahan pencemar berbahaya, perlu digunakan bersama minyak yang sesuai dan diselenggara secara berterusan bagi memastikan keberkesananannya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebelum ini pernah menyarankan supaya Asean menjadikan kenderaan monogas seperti gas asli sebagai salah satu daripada program mengatasi masalah pencemaran udara di rantau ini.

Beliau mengajak negara yang mempunyai sumber gas asli berlebihan supaya menggunakannya sebagai bahan api pilihan.

(END)